


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 DISEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8

Kementerian Ekonomi giat laksana reformasi



PROGRAM Setahun Bersama Kerajaan Madani di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil (SNBJ) mendapat sambutan yang baik dalam kalangan rakyat. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Kementerian Ekonomi giat laksana reformasi

Oleh **ARIF AIMAN ASROL dan JOHANNA MUMTAZ WANPA**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Ekonomi memberi fokus kepada reformasi dasar ekonomi dengan memberi penekanan terhadap beberapa kategori utama dalam mengukuhkan lagi tahap kedudukan kewangan negara.

Menteri ekonomi, Rafizi Ramli berkata, antara yang akan diberi tumpuan adalah melibatkan pekerja dan juga pasaran kerja negara.

“Untuk tahun 2024, pihak Kementerian ekonomi dan Kementerian-kementerian lain yang berkaitan akan memfokuskan kepada perancangan dan reformasi ekonomi.

“Keputusan dibuat dengan merancang dan mengenal pasti bagi membangunkan industri-industri bernilai tinggi dengan

matlamat mencipta pertumbuhan dalam sektor baharu,” katanya kepada pemberita pada Program Setahun Bersama Kerajaan Madani di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini, semalam.

Program Setahun Bersama Kerajaan Madani selama tiga hari bermula semalam bertujuan menyebarkan dan mempromosikan dasar serta inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan Perpaduan kepada rakyat.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, dasar gaji progresif merupakan sebahagian daripada strategi utama kerajaan.

Jelasnya, beberapa usaha dilakukan dan ditekankan untuk tahun hadapan iaitu antaranya pengurangan secara tersusun pergantungan kepada pekerja asing dan peningkatan penglibatan pekerja tempatan.

“Ini merupakan antara tum-

puan reformasi untuk tahun 2024,” katanya.

Tambahnya, kerajaan juga akan memberikan penekanan terhadap peningkatan dan penerokaan cara untuk menskalakan perniagaan pada tahun 2024.

“Kira-kira 80 peratus perniagaan di Malaysia adalah mikro. Jadi segala perancangan kita mengenai ekonomi mesti mengambil kira jumlah ini.

“Dasar gaji progresif melindungi perniagaan mikro dan kita akan tumpukan cara untuk menskalakan perniagaan mereka supaya daripada peringkat mikro boleh jadi kecil, daripada kecil ke sederhana dan daripada sederhana boleh jadi besar.

Tegasnya, seluruh perancangan ekonomi dan dasar kerajaan akan mempertimbangkan struktur ekonomi dan perniagaan negara.